# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

22 JULAI 2024 (ISNIN)

| Bela Anjing di Rumah Perlu Lesen | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Kosmo! | Negara | 15 | 22 Julai |

# Bela anjing di rumah perlu lesen

**MANJUNG** – Pemilik anjing perlu mendapatkan lesen sebaik haiwan peliharaan mereka memasuki usia tiga bulan selain dibawa untuk mendapatkan rawatan kepada doktor veterinar sekiranya mengalami penyakit.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung, Muhammad Faisal Shah Safian Suri berkata, anjing juga perlu dikawal dan terpelihara supaya tidak membahayakan orang lain.

Katanya, kebimbangan timbul apabila pihaknya telah menangkap sebanyak 407 ekor anjing liar pada tiga bulan pertama tahun ini.

"Tahun lalu kita telah menangkap 1,328 anjing liar mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Manjung) 1993.

"Pemilik bertanggungjawab memastikan anjing peliharaan mereka tidak mengganggu jiran disebabkan salakan tidak berhenti atau lain-lain," katanya.

Menurut Muhammad Faisal, pastikan anjing peliharaan tidak merayau dan perlu diikat apabila dibawa keluar dari premis.

Tambahnya, lesen peliharaan juga terpakai untuk pemilik haiwan lain seperti kucing, lembu, arnab dan lain-lain selain ia perlu dipastikan agar tidak mengganggu ketenteraman penduduk lain.



**ANJING liar yang mengganggu ketenteraman penduduk perlu ditangkap untuk mengelakkannya mencederakan manusia.** – GAMBAR HIASAN

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR